

Mahkamah Agung,
Bangunan Sultan Abdul Samad,
Jalan Raja,
50506 Kuala Lumpur

Bil: (52) dlm. JK/MA 38 Vol. IV

Tarikh: 14 Januari 1994

ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 1994

KOD WARNA BAGI REKOD RAYUAN DAN DOKUMEN-DOKUMEN BERKAITAN

Adalah saya dengan hormatnya diarah oleh Y.A.A. Ketua Hakim Negara bahawa mulai 1 Februari 1994 pemfailan Rekod Rayuan dan dokumen-dokumen berkaitan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Agung Malaysia hendaklah mempunyai warna-warna kulit seperti berikut:-

- | | |
|---|--------|
| a. Rekod Rayuan
(Sivil) | Merah |
| b. Ikatan Autoriti Perayu
(Sivil dan Jenayah) | Putih |
| c. Ikatan Autoriti Responden
(Sivil dan Jenayah) | Hijau |
| d. Ikatan Autoriti Pencelah | Kuning |

2. Adalah diarahkan juga semasa perbicaraan di hadapan Mahkamah Agung, pihak-pihak terbabit hendaklah merujuk dokumen-dokumen tersebut di atas sebagai berikut:-

- | | |
|----------|---------------------------|
| a. R/P | Rekod Perayu |
| b. IA(P) | Ikatan Autoriti Perayu |
| c. IA(R) | Ikatan Autoriti Responden |
| d. IA(C) | Ikatan Autoriti Pencelah |

3. Jika terdapat lebih dari satu ikatan dokumen, ianya hendaklah ditanda dengan urutan 1, 2, 3 dan seterusnya. Sebagai contoh IA(P)(1), IA(P)(2) dan sebagainya.


- 2 -

4. Tujuan arahan ini adalah untuk mengelak kekeliruan dalam merujuk kepada dokumen-dokumen berkenaan semasa pendengaran rayuan di Mahkamah Agung.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah


(DATU' ABDUL KADIR BIN MUSA)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Agung Malaysia
Kuala Lumpur

s.k.

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara Malaysia.
2. Y.A.A. Hakim Besar Malaya.
3. Y.A.A. Hakim Besar Borneo.
4. Semua Y.A. Hakim Mahkamah Agung.
5. Y.B. Peguam Negara Malaysia.
6. Semua Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi Malaya/Borneo.
7. Semua Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman Malaya/Borneo.
8. Ketua Setiausaha, Kementerian Undang-Undang Malaysia.
9. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri, Semenanjung Malaysia.
10. Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya/Borneo.
11. Semua Timbalan Pendaftar Mahkamah Agung.
12. Semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya/Borneo

.../3

13. PUS
Ma'
KI

14.

15